



IBU PEJABAT
JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA
PULAU PINANG
Jalan Batu Kawan
14100 Simpang Ampat
PULAU PINANG
MALAYSIA



☎ : 604-504 7222
🌐 : www.bomba.gov.my
✉ : pro_png@bomba.gov.my

Ruj Kami: JBPM/PP/CSM :500-5/5(15)

Tarikh : 14 Januari 2025

SENARAI EDARAN

Tuan,

PENAMBAHBAIKAN KEMUDAHAN DALAM PELAKSANAAN SISTEM SARAAN PERKHIDMATAN AWAM (SSPA): KEMUDAHAN CUTI TANPA REKOD (CTR) KELOMPOK DAN PENGGUNAAN LAMPIRAN TAMBAHAN PERMOHONAN CTR KELOMPOK.

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Sebagaimana yang tuan sedia maklum, melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2024 SSPA bagi Pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan, Kerajaan bersetuju untuk menambah baik peraturan CTR agar lebih fleksibel dalam memenuhi keperluan pegawai. Oleh itu, kemudahan CTR distruktur semula dengan **pewujudan CTR Kelompok** dengan bilangan hari sebanyak 20 hari bagi setahun kalendar. Untuk makluman pihak tuan juga, CTR kelompok merupakan gabungan 13 CTR sedia ada dengan 7 CTR baharu.
3. Sehubungan dengan itu, bermula pada **1 Disember 2024**, **semua permohonan CTR Kelompok** adalah dikehendaki untuk melengkapkan Borang Permohonan Kemudahan CTR Kelompok (CTR) (**Lampiran SR.5.7.1(C)**).
4. Pihak tuan juga adalah dimohon untuk **memastikan kesemua borang dan dokumen yang diperlukan dilengkapkan terlebih dahulu** mengikut Syarat Khusus dan Tempoh CTR Kelompok (**Lampiran SR.5.7.1(A)**) sebelum dihantar ke Cawangan Sumber Manusia JBPM Negeri Pulau Pinang. Adalah diingatkan bahawa hanya ulasan yang disokong sahaja akan diproses.

‘CEPAT DAN MESRA’



CERTIFIED TO ISO 9001:2015 & ISO 37001:2016

Ruj Kami: JBPM/PP/CSM :500-5/5(15)

Tarikh : 14 Januari 2025

5. Bersama-sama ini disertakan dokumen CTR Kelompok yang berkaitan

- i) Ceraian Kemudahan CTR Kelompok - **Lampiran SR 5.7.1**
- ii) Syarat Khusus dan Tempoh CTR Kelompok - **Lampiran SR.5.7.1(A)**
- iii) Simulasi CTR Kelompok - **Lampiran SR.5.7.1 (B)**
- iv) Permohonan Kemudahan CTR Kelompok - **Lampiran SR.5.7.1 (C)**


6. Sukacita tuan dimohon untuk menghebahkan pemakluman ini kepada semua kakitangan di bawah selian tuan. Kerjasama dan perhatian tuan dalam perkara ini amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(PKPJ MOHAMAD SHOKI BIN HAMZAH)

Pengarah

Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia
Negeri Pulau Pinang

Penolong Pengarah Bahagian (6)

Bahagian Operasi

Bahagian Keselamatan Kebakaran

Bahagian Penyiasatan Kebakaran

Bahagian Latihan

Bahagian Kejuruteraan

Bahagian Pengurusan

Ketua Zon (4)

Zon 1, Jalan Perak

Zon 2, Bayan Lepas

Zon 3, Perai

Zon 4, Butterworth

Ketua Balai (20)

Balai Bomba dan Penyelamat Perai

Balai Bomba dan Penyelamat Butterworth

Balai Bomba dan Penyelamat Bukit Mertajam

Balai Bomba dan Penyelamat Kepala Batas

Balai Bomba dan Penyelamat Kuala Muda

Balai Bomba dan Penyelamat Tasek Gelugor

Balai Bomba dan Penyelamat Sungai Bakap

Balai Bomba dan Penyelamat Jalan Perak

Balai Bomba dan Penyelamat Bagan Jermal

Balai Bomba dan Penyelamat Bayan Baru

Balai Bomba dan Penyelamat Lebuhraya Pantai

Balai Bomba dan Penyelamat Teluk Bahang

Balai Bomba dan Penyelamat Balik Pulau

Balai Bomba dan Penyelamat Seri Balik Pulau

Balai Bomba dan Penyelamat Paya Terubong

Balai Bomba dan Penyelamat Nibong Tebal

Balai Bomba dan Penyelamat Bandar Perda

Balai Bomba dan Penyelamat Bertam

Balai Bomba dan Penyelamat Penanti

Balai Bomba dan Penyelamat Batu Kawan